

Merdeka, Aidilfitri pupuk perpaduan

Rumah terbuka, kibar Jalur Gemilang disertai semua masyarakat tanpa mengira kaum



Oleh

**Noor Mohamad
Shakil Hameed**

BULAN Ogos tahun ini membawa makna cukup besar kepada seluruh rakyat Malaysia. Bukan saja kita meraikan Hari Raya Aidilfitri tetapi juga sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-55, hari ini.

Tatkala kemeriahan Syawal masih dirasakan di seluruh negara dengan penuh meriah kita menyemarakkan pula Hari Kemerdekaan yang kemudian diikuti dengan Hari Malaysia pada 16 September ini.

Kedatangan Syawal memang lebih khusus kepada umat Islam tetapi kita boleh lihat suasana kemeriahan dan kemesraan rakyat pelbagai agama dan bangsa di rumah terbuka yang sedang berlangsung di seluruh negara.

Itulah keistimewaan negara dan rakyat kita yang dapat hidup dalam masyarakat majmuk dengan bersatu padu dan bertolak ansur.

Setiap perayaan utama yang disambut dalam negara ini dikongsi bersama dan diraikan seperti perayaan kebangsaan. Ini ditambah pula dengan pelbagai keistimewaan yang disediakan seperti pemberian cuti umum, pemberian bonus kepada kakitangan kerajaan serta anjuran rumah terbuka di seluruh negara.

Fenomena ini mewarnai kalendar kehidupan setiap warga negara ini sejak kita merdeka lagi. Ia dibentuk, dipupuk dan dipateri kemas

oleh generasi terdahulu yang mengetepikan dan mengorbankan segala kepentingan peribadi kaum masing-masing demi mencapai kemerdekaan, hidup aman dan damai sebagai sebuah keluarga yang besar.

Ternyata semangat kebangsaan mereka mengatasi semangat individualistik, sekali gus bersepakat dan bermufakat membentuk sebuah negara majmuk yang berdiri gagah di persada antarabangsa hari ini.

Dalam hal ini, kita tidak boleh menafikan peranan pelbagai perayaan dan sambutan upacara rasmi negara seperti Hari Kemerdekaan ini yang menjadi platform terbaik untuk kita terus menyuburkan semangat perpaduan dan kebangsaan di kalangan generasi dulu hingga ke hari ini.

Ternyata walaupun generasinya berubah dan bertukar ganti, namun semangat dan rohnya tetap sama. Buktinya, saban tahun perayaan seumpama ini terus menonjolkan dan mengeratkan tali sila-



SEMANGAT...kanak-kanak pelbagai bangsa mengibarkan Jalur Gemilang.

turahim sesama rakyat kita.

Ia boleh dilihat melalui budaya kunjung-mengunjung yang biasanya dilakukan pada rumah terbuka. Kita boleh lihat dengan jelas orang India dan Cina mengunjungi rumah orang Me-

layu semasa Aidilfitri dan juga sebaliknya ketika sambutan Tahun Baru Cina, Deepavali ataupun perayaan utama lain.

Keakraban yang terbentuk ketika itu adalah suatu panorama indah yang sukar di-

lihat di negara lain. Begitu juga halnya pada sambutan Hari Kemerdekaan apabila kita dapat lihat semua kaum bersatu padu meraikannya secara bersama dengan gilang-gemilang, terutama melalui kempen kibar Jalur Gemilang.

Erti kemerdekaan itu di-

Erti kemerdekaan itu dihayati sepenuhnya oleh rakyat untuk terus mempertahankannya walau dalam apa keadaan sekalipun.

Kehidupan bermajmuk sudah menjadi nadi dan teras pembangunan dan kejayaan kita sekian lama.

Justeru, sebagai rakyat bertanggungjawab, setiap seorang daripada kita wajib untuk memainkan peranan mengekalkan apa yang kita miliki sekarang hingga ke akhir hayat.

Ini kerana kita perlu sentiasa insaf dan sedar bahawa nikmat kemerdekaan, kegembiraan dan keamanan yang ada hari ini boleh hilang, lenyap mahupun diragut sekelip mata andai kita leka dan lalai.

Buktinya mutakhir ini kita dapat lihat pelbagai insiden dan peristiwa yang berlaku mula menyentuh sensitiviti sesuatu kaum serta memberi impak kepada perpaduan nasional.

Kita perlu terima hakikat bahawa insiden yang mengambil tempat dewasa ini

sedikit sebanyak sudah mula memutikkan elemen prasangka dan prejudis sesama rakyat kita.

Masing-masing dilihat lebih berhati-hati dan mula was-was dalam perhubungan dengan orang lain. Walaupun situasi ini mungkin tidak terlalu kritikal mahupun serius lagi, namun jika ia terus dibiarkan begitu, maka kita percaya akan menjadi barah dan duri dalam daging untuk menghancurkan apa yang dibina selama ini.

Sekian lama kita berbangga dengan dunia luar bahawa kita boleh dijadikan sebagai negara contoh masyarakat majmuk. Itulah keistimewaan kita dan negara luar juga sering memuji negara kita dalam aspek tersebut.

Kita perlu sedar bahawa tiada jaminan status ini akan kekal selamanya. Apakah kita mahu menghancurkannya? Apakah kita mahu mewariskan sebuah negara kacau-bilau dan tidak stabil kepada generasi pewaris kita kelak?

Tepuk dada tanyalah diri masing-masing. Sudah semestinya setiap seorang daripada kita tidak mahu anak cucu kita kelak memaki hamun kita kerana mewariskan sebuah negara tidak stabil dan harmoni kepada mereka.

Dalam suasana Merdeka Raya ini marilah kita mengetepikan segala persengketaan, perselisihan faham dan perbezaan ideologi politik, seterusnya bermuhasabah diri dan insaf dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang mula menggoncang perpaduan sebelum ia merebak menjadi virus yang sukar diubati kelak.

Ingatlah mencegah lebih baik daripada mengubatnya. Gunakanlah platform sambutan Aidilfitri dan Merdeka ini untuk kita terus memupuk perpaduan dan keharmonian kaum.

Buktikanlah kepada dunia bahawa kita masih menjadi contoh sebuah masyarakat majmuk yang bersatu padu.

>Penulis ialah Ketua Bahagian

Perancangan Korporat, Universiti Putra

Malaysia (UPM), Serdang, Selangor